



## BUAIAN KESAYANGAN

**TIBA-TIBA** Mama rasakan dunia ini gelap dan sunyi. Tak tahu apa bala dan petaka yang spontan merenggut kebahagiaan dan kemesraan kita selama ini. Tidak pernah ada amaran atau petanda ianya akan melanda. Segalanya berlaku terlalu pantas. Bagaikan mimpi.

Hilai-tawa, gelak ria malah suara tangisan juga lenyap serta-merta. Baharu semalam, suaramu terkekeh-kekeh menyerikan suasana, kini sepi semuanya. Menjadikan ruang vila kita ini kosong dan vakum. Mama tidak tahu bagaimana mahu menuntut apologia atas kesalahan yang Mama juga tidak pasti.

Kini Sayang hanya kaku terdampar di pembaringan. Dengan tiub-tiub penyambung nyawa berselirat di segenap tubuhmu. Mama terpaksa menatap tubuh mongelmu yang sedang naik tiba-tiba pegun di situ. Mama buntu, Sayang. Buntu, tak tahu di mana silapnya hingga adegan ini menjadi salah satu skrip dalam plot hidup kita.

Benar. Itu takdir yang sedang menguji diri kita sekeluarga. Betapa sukar pun Mama menerimanya tetap juga cuba menghadapinya. Dari ruang pengap itu, Mama masih mendambakan agar kau segera memberi respons dan kembali mengukir senyuman. Senyum yang akan membungai semula hidup kami juga.

Seperti kebiasaannya, Mama menghantar Sayang ke pusat asuhan saban pagi. Sayang seperti selalu juga, ceria dan riang. Tawamu terus menyerikan sinar pagi kita berdua, seakan tiada apa yang akan berlaku, lambaian manjamu kepada Mama menjadi tonik motivasiku. Sejak usiamu mencecah 10 bulan, Sayang sudah pandai melambai-lambai.

Bersungguh Sayang melambai, seakan seronok melakukannya dengan respons meriah orang-orang di kelilingmu. Selesai meninggalkan Sayang di pusat asuhan, Mama bergegas ke tempat kerja. Agak kelewatan hari ini, tapi masih sebelum waktu larangan.

Mama mula melakukan tugas harian dengan tekun dan penuh dedikasi. Sebagai pemegang *title* pekerja cemerlang tahun lepas, Mama sering jadi rujukan dan kaunter pertanyaan rakan-rakan. Malah ada staf baharu yang menjadikan Mama ikon kerjaya mereka. Mama bersyukur amat tentang itu.

Mama bertuah kerana nilai kerja dan semangat kami di sini dihargai majikan. Memang Encik Daud seorang ketua jabatan yang baik dan bertanggungjawab.

“Kak, jom keluar makan,” Lina, salah seorang staf pejabat Mama menyapa. Mama membalas ajakan ikhlasnya dengan senyuman.

“Akak ada kerja sikit lagi ni, Lina pergi dulu ya,” Mama menolak ajakannya dengan baik. Staff bernama Lina itu membalas dengan senyum manis juga seraya berpamit pergi.

## KEJUTAN

**TEPAT** jam 2 petang, Mama didatangi deringan telefon dari pusat asuhanmu nak. Mulanya reaksi Mama biasa sahaja, sebab bukan kali pertama taska itu menghubungi Mama. Kadang, ada benda-benda kecil yang berlaku pun mereka hubungi ibu bapa untuk memberi info.

Namun sahutan telefon kali ini memberi suatu kejutan yang amat menggegarkan deria pendengaran Mama. Berita yang membuat Mama menjerit dan bergetar seluruh tubuh mendengar kata demi kata petugas pusat asuhan.

“Kami pun tak perasaan bagaimana boleh terjadi, puan,” kata suara pengasuh di talian separuh ketar. Mama segera berpamit, memohon ehsan Encik Daud. Seperti kebiasaannya, dia yang amat prihatin dengan pekerjaanya, memahami dan memberi empati. Mama bingkas mencapai tas tangan lalu meninggalkan pejabat.